

02 NOV 2000

Dasar

MAPEN CADANG DASAR PEMBANGUNAN WAWASAN GANTI DASAR PEMBANGUNAN

PUTRAJAYA, 2 Nov (Bernama) -- Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II) mencadangkan kepada kerajaan agar Dasar Pembangunan Nasional untuk tempoh 2001-2010 digantikan dengan Dasar Pembangunan Wawasan (DPW) bagi menepati arah aliran ekonomi negara serta kepentingan semua kaum bagi tempoh 10 tahun akan datang.

Cadangan itu dimuatkan dalam laporan akhir Mapen II yang bertajuk "Dasar Pembangunan Wawasan, 2001-2010" yang diserahkan oleh Pengerusi Mapen II Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Cadangan yang dikemukakan dalam DPW itu mempunyai sembilan teras dan 12 strategi yang antara lain meliputi aspek meningkatkan daya saing negara, pembangunan sumber manusia, pendidikan, penyusunan semula masyarakat, pembasmian kemiskinan, sains dan teknologi, kewangan dan perbankan Islam serta usaha meningkatkan perpaduan negara.

Berucap selepas menerima laporan itu, Dr Mahathir mengucapkan tahniah kepada semua anggota Mapen II kerana berjaya menyiapkan laporan itu dalam jangka masa setahun.

Beliau juga memuji semua anggota Mapen kerana telah menunjukkan kesungguhan dalam membantu kerajaan merencana dasar pembangunan negara untuk tempoh 10 tahun akan datang.

Dr Mahathir berkata ini membuktikan bahawa rakyat semua kaum di negara ini dapat bekerjasama dan berbincang soal pembangunan negara dengan cara yang tidak menimbulkan masalah.

Beliau berkata sebenarnya sukar untuk mendapat persetujuan apabila rakyat berbilang kaum berjumpa untuk membincangkan masalah negara seperti yang banyak berlaku di negara lain sehingga menimbulkan rusuhan serta perang saudara.

"Tetapi alhamdulillah di Malaysia kita dapat bekerjasama dan berbincang sebagai manusia yang berfikiran waras. Walaupun kita mempunyai pendapat berbeza kita dapat mencari penyelesaian dan pendapat yang lebih kurang sama," katanya.

Dr Mahathir berkata laporan setebal 788 muka surat itu akan menjadi panduan kepada kerajaan dalam merancang pembangunan ekonomi di masa hadapan.

Katanya semua cadangan yang dikemukakan itu akan diberi pertimbangan sewajarnya oleh kerajaan.

"Percayalah, sama ada kerajaan terima semua atau sebahagian daripada cadangan yang dikemukakan itu, kita tidak akan mensia-siakan usaha keras yang dijalankan oleh semua pihak sehingga adanya laporan ini," katanya.

Perdana Menteri berkata rakyat berhak berbangga dengan pencapaian negara sejak 43 tahun mencapai kemerdekaan dan beliau yakin hasil daripada perpaduan yang wujud serta kerjasama yang diberikan oleh rakyat kepada kerajaan, negara akan dapat mencapai apa yang dicita-citakan dalam Wawasan 2020.

Terdahulu ketika memberikan taklimat ringkas mengenai DPW, Ahmad Sarji berkata Mapen II telah mengkaji 137 memorandum daripada pelbagai badan, pertubuhan dan orang perseorangan.

DPW mengandungi 227 perakuan sebagai asas.

Beliau berkata antara cadangan yang dikemukakan ialah penubuhan Majlis Kebangsaan Mengenai Daya Saing yang akan menumpukan perhatian kepada daya saing jangka panjang negara serta penubuhan Pusat Inovasi Nasional selaras

dengan peralihan ekonomi kepada yang berteraskan pengetahuan atau K-ekonomni.

Mapen II juga mencadangkan agar ditubuhkan Tabung Perantisan dan memperkenalkan Program Motivasi Perantisan bagi belia dalam bidang vokasional bagi menyediakan lebih ramai tenaga kerja dalam sektor perindustrian.

Mengenai pendidikan pula, Mapen II mencadangkan agar diwujudkan dana pendidikan Bumiputera bagi meningkatkan bilangan pelajar Bumiputera di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

Ahmad Sarji berkata Mapen II juga mengemukakan cadangan mengenai penyusunan semula masyarakat dengan mengiktiraf entiti kerajaan yang diswastakan sebagai Institusi Amanah Korporat.

Beliau berkata institusi ini akan bertanggungjawab membentuk dan memantapkan lagi pembangunan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera menerusi pembangunan usahawan, skim modal teroka, pembangunan vendor, francais serta industri kecil dan sederhana.

Mengenai langkah mengatasi kemiskinan pula, Mapen II mencadangkan agar diperluaskan akses kredit dengan kadar faedah yang rendah kepada golongan miskin, menyediakan perumahan kos rendah dengan wang pendahuluan yang rendah dan mematikan skim perumahan di estet menepati standard minimum.

Ahmad Sarji berkata golongan wanita juga harus diberikan perhatian dan perlu dilantik memegang jawatan di peringkat membuat keputusan dengan sasaran 30 peratus menjelang tahun 2010 serta memberi insentif kepada majikan yang memberi latihan kepada wanita.

-- BERNAMA  
AKT AKT MAI